

## **TALKING POINTS**

**Y.BHG. PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**Majlis Perasmian Higher Education Sports Fest (HESF) 2019**

*30 Oktober 2019, Dewan Sukan, UTeM , 8.30 Malam*

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis.

**Yang Berusaha Dr. Pekan Bin Ramli**

Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Unit Sukan, BPPD,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Nurulfajar Bin Abd Manap**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

Barisan Ketua Kontingen Universiti, Pegawai Kanan  
Kementerian dan Universiti, Barisan Urusetia dan  
Jawatankusa Teknikal,

Rakan Media, Para Atlet Yang Diraikan, Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau and Bersih.

1. Terlebih dahulu, saya berasa sangat bertuah pada malam ini kerana kita dapat bersama-sama berkumpul di Stadium Universiti Teknikal Malaysia Melaka – UTeM, bersempena dengan Majlis Perasmian Higher Education Sports Fest atau HESF Edisi 2019 yang telah bermula sejak 29 Oktober dan akan berakhir pada 2 November 2019.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam majlis gilang gemilang dan bersejarah ini.
3. Bagi pihak UTeM, saya amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Dr. Pekan Bin Ramli Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Unit Sukan, Bahagian Perancangan dan Penyelaras Dasar, Kementerian Pendidikan Malaysia dan delegasi dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Terima Kasih kerana memilih UTeM sebagai tuan rumah HESF buat dua tahun berturut-turut sejak penganjuran kali pertama pada tahun 2018. Bagi kami, ini merupakan penghormatan dan kepercayaan tinggi yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menganjurkan festival sukan tahunan yang amat dinantikan oleh semua para atlet dari pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi Awam mahupun Swasta.

5. Di kesempatan ini, saya juga mengucapkan Selamat Datang kepada **31 Kontinjen, 682 Atlet, 161 pegawai dan 100 sekarelawan** ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
6. Tidak lengkap kalau ke Melaka tanpa pantun:

**Pohon pauh di tepi permatang,  
Pohon nangka di hujung batas;  
Dari jauh tuan puan datang,  
Orang UTeM menyambut ikhlas.**

## **Hadirin dan hadirat sekalian,**

7. UTeM, sebagai sebuah universiti yang berfokus di dalam bidang teknikal, senantiasa meletakkan agenda kesukanan sebagai salah satu elemen terpenting yang menentukan tahap kecemerlangan universiti. Ini bagi memastikan keseimbangan warga Universiti khususnya mahasiswa dan mahasiswi yang dilahirkan, yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik malah turut meraih kejayaan dalam bidang yang lain, terutamanya bidang sukan.

8. Dalam usaha membawa agenda kesukanan ke tahap yang lebih tinggi, UTeM senantiasa menganjurkan pelbagai program kesukanan yang merentasi fakulti dan jabatan sebagai salah satu acara tahunan, antaranya adalah seperti Sukan Antara Fakulti dan Sukan Antara Jabatan.
9. Penganjuran program seumpama ini dilihat bukan sahaja dapat melahirkan siswa yang holistik dan berkompentensi tinggi, malah lebih dari itu, dapat meningkatkan lagi visibiliti dan kecemerlangan institusi pendidikan tinggi di negara ini ke peringkat yang lebih membanggakan, menerusi penyertaan para atlet yang mewakili IPT masing-masing



dalam kejohanan sukan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa seperti SUKMA, ASEAN University Games, Sukan SEA, Kejohanan Sukan Universiti Dunia, dan lain-lain lagi.

10. Saya amat yakin, menerusi kejayaan demi kejayaan yang telah diraih oleh para atlet IPT, ia secara langsung dapat merealisasikan hasrat Kerajaan menerusi Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (DPSIPT) iaitu untuk melahirkan lebih ramai *The Thinking Athlete(s)*.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

11. Penganjuran HESF tahun ini merupakan kesinambungan daripada penganjuran SUKIPT dan Kejohanan Utama Kementerian yang telah direvolusikan. HESF merupakan mekanisma baru penganjuran Kejohanan Utama KPM dengan menghimpunkan beberapa acara sukan yang pernah dianjurkan di bawah Kejohanan ini.

12. HESF turut menerapkan elemen SUKIPT dengan penyertaan terbuka kepada semua IPT di bawah naungan KPM, yang mempertandingkan lima jenis sukan iaitu Bola

Tampar, Bola Keranjang, Petanque, Renang dan Ping Pong. Menariknya pada tahun ini, Penganjuran Varsity Cycling Challenge (VCC) juga dianjurkan pada tarikh yang sama dengan Penganjuran HESF iaitu pada 30 dan 31 Oktober 2019 dan pingat VCC akan diambil kira dalam penentuan keseluruhan HESF.

13.Selain daripada itu, HESF juga merupakan medan yang begitu relevan dengan usaha pihak Kementerian untuk mencari dan memilih atlet untuk kejohanan lebih besar seperti ASEAN University Games dan Sukan Universiti Dunia.

14. Penganjuran ini bertepatan dengan lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat berkualiti tinggi, khususnya dalam bidang sukan, sekali gus menjadi medium terbaik dalam menyerlahkan lebih ramai atlet IPT yang berpotensi tinggi.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian**

15. Pada penganjuran edisi kali ini, HESF menawarkan sebanyak 57 pingat Emas yang akan menjadi rebutan semua atlet yang bakal bertanding di semua peringkat kategori yang disediakan.
16. Diharapkan, penganjuran HESF ini berupaya memberi impak yang menyeluruh kepada perkembangan sukan di IPT negara ini, dan kekal relevan sebagai agen yang membantu membekalkan atlet yang berkaliber dalam

meneruskan momentum kecemerlangan sukan negara di pentas antarabangsa.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya bagi pihak tuan rumah - UTeM ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam merealisasikan penganjuran kejohanan kali ini, terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia. Diharapkan UTeM akan terus menjadi lokasi bagi pertandingan sukan untuk tahun yang akan datang.

18. Tidak dilupakan, sekalung penghargaan kepada semua rakan IPT, Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN), Persatuan Sukan Kebangsaan, Agensi-agensi kerajaan, Majlis-majlis Sukan IPT, dan rakan strategik media. Sokongan berterusan dari semua pihak menjadi azimat kepada kami untuk terus membantu negara memartabatkan bidang sukan negara ke peringkat tertinggi.
19. Kepada semua atlet kontingen, jadikanlah kejohanan ini landasan terbaik untuk mengeratkan lagi jaringan kerjasama dan komunikasi antara universiti.

20. Saya juga ingin berpesan agar jangan terlalu cepat kecewa jika gagal meraih sebarang kemenangan dalam sukan yang dipertandingkan. Kalah atau menang memang merupakan lumrah adat pertandingan dan selagi kita berpegang kepada semangat kesukanan maka objektif sebenar HESF akan tercapai. Kegagalan itu sebenarnya merupakan satu proses untuk mencapai kejayaan.

21. Akhir kata, selamat bertanding dan berjaya kepada semua yang menjayakan kejohanan ini.



Berkualiti rehat minda yakin,  
Semua halangan mudah dicara,  
Atlet sihat menjadi pemangkin,  
Kepada kecemerlangan sukan negara.

22.Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahman....saya dengan sukacitanya merasmikan HESF 2019, untuk sukan negara yang cemerlang dan gemilang.

Wabillahitaufig Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullah Hiwabarakatuh.